

02/09/2000

Bukan saja merdeka tetapi pemimpin negara membangun

PADA hari rakyat menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-43, kita mengingat kembali kepada zaman perjuangan menuntut kemerdekaan.

Bagi generasi sekarang, barangkali sukar untuk mengerti betapa sukarnya pejuang kita pada masa itu memperjuangkan cita-cita kebebasan dan kemerdekaan untuk rakyat, negara dan terutama sekali mereka yang tidak mempunyai pengalaman terhadap penjajahan.

Bagi generasi saya, kemerdekaan membawa banyak kenangan pahit dan manis. Pada hari ulang tahun kemerdekaan, saya hanya mengingati kembali kepada masa negara kita masih terjajah.

Kemerdekaan tidak hanya berarti kebebasan negara tetapi juga kebebasan membangunkan bangsa yang baru daripada runtuhannya masyarakat sebelum itu ketika dikongkong oleh penjajah.

Saya mengingati kembali kepada masa saya di Indonesia pada hari Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan kemerdekaan di Lapangan Merdeka. Teman-teman di Jakarta yang mengucapkan tahniah atas kejayaan kita mencapai kemerdekaan, banyak mengulas mengenai lagu Negaraku.

Pada mereka agak aneh bahawa lagu kebangsaan diambil daripada lagu Terang Bulan. Seperti yang diketahui, lagu Terang Bulan terkenal di Nusantara melalui filem lakonan Rokiah dan Kartolo.

Mereka bertanya mengapa tidak ada pejuang kemerdekaan kita mengubah lagu kebangsaan yang benar-benar mencerminkan semangat perjuangan bangsa Melayu. Mereka mengatakan bahawa lagu kebangsaan adalah penting untuk menghidupkan semangat cintakan bangsa dan tanahair.

Saya menjawab bahawa sejarah kemerdekaan Indonesia tidak sama dengan perjuangan orang Melayu. Bangsa Indonesia merebut kemerdekaan secara kekerasan dari Belanda, maka itu lagu nasional lahir dari kancah itu.

Di Malaya, kami memperjuangkan kemerdekaan secara aman dan berperlembagaan. Paling penting ialah mencapai kemerdekaan dari Inggeris, iaitu kemerdekaan politik.

Setelah itu, kami ingin membangunkan negara untuk melahirkan satu bangsa baru yang bermaruah, sesuai dengan taraf kami yang bebas daripada kongkongan penjajah.

Tetapi sebenarnya sikap yang agak meninggi diri ini dari negara-negara bekas jajahan terhadap kemerdekaan kita berlarutan agak lama.

Pemimpin Kemboja, umpamanya, ketika saya melawat negara itu dalam zaman konfrontasi, cuba mengajar saya bagaimana mengendalikan sebuah negara yang berkecuali. Kemboja waktu itu diperintah Norodom Sihanouk.

Sebagai jaguh pemimpin yang berkecuali dari pertelagahan Barat dan Timur, Sihanouk cuba mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negaranya dari diganggu tidak saja oleh Amerika tetapi juga dari negara komunis.

"Mengapa Malaysia, atau Malaya pada masa itu, tidak menerap satu dasar luar seperti kami?" kata mereka kepada saya.

Waktu saya melawat negara Afrika dalam masa konfrontasi, saya juga menerima kritikan dalam dasar Malaysia yang menurut pemimpin-pimpinan Afrika pada waktu itu sebagai pro-Barat.

"Mengapa Malaysia tidak menjalankan dasar berkecuali?" mereka bertanya saya.

Saya menjawab bahawa Malaysia, walaupun tidak berkecuali dalam perang dingin, adalah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat dan dasar luar kami ialah tidak ingin menjadi alat kepada sebarang kuasa besar.

Pada saya, kritikan terhadap dasar luar Malaysia pada waktu itu

sebenarnya mencerminkan sikap angkuh negara berkenaan terhadap negara kita. Bagi saya, kritikan itu menunjukkan bahawa perjuangan menuntut kemerdekaan sebenarnya belum selesai.

Setelah mencapai kemerdekaan, kewajipan kita ialah meyakinkan dunia untuk menerima dan mengakui bahawa kemerdekaan kita adalah kemerdekaan dalam erti kata yang sebenarnya.

Tapi saya akui pada waktu itu dasar luar Malaysia agak condong kepada Barat. Akibat daripada dasar yang ditanggung oleh kita, maka tercetus konfrontasi dengan Indonesia.

Kita kalah kepada Sukarno dari segi diplomasi dan politik. Hampir semua negara Afro-Asia bersimpati dengan Sukarno dan kita terpencil.

Konfrontasi adalah titik-tolak kepada dasar luar kita. Konfrontasi menyedarkan kita betapa pentingnya dasar luar kepada aspirasi di negara Afro-Asia.

Perubahan dasar bermula pada masa Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri dengan mengubah sedikit demi sedikit agar dasar luar Malaysia tidak terlalu condong kepada Barat.

Masa zaman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kita menyaksikan betapa negara kita bertukar peranannya dari sebuah negara yang mengemis simpati negara Afro-Asia untuk menjadi sebuah negara yang menjadi inspirasi kepada negara membangun.

Rakyat Malaysia akan berbangga dengan kedudukan kita sebagai negara yang menjadi juara negara dunia ketiga.

Apa yang penting daripada pengalaman ini ialah hakikat bahawa kemerdekaan tidak sekali-kali bererti kebebasan daripada kongkongan penjajah. Lebih penting daripada itu ialah membangun sebagai negara yang bebas atas kesilapannya sendiri.

Saya rasa inilah pencapaian yang besar sekali daripada perjuangan negara kita sejak merdeka, iaitu sebagai sebuah negara yang tidak saja merdeka tetapi menjadi pemimpin kepada negara membangun.

Negara kita diakui oleh dunia sebagai negara yang memang membangun sejajar dengan negara Islam dan negara membangun yang lain.

Generasi muda yang tidak mengalami kepahitan dicemuh, malah diejek oleh orang luar sebagai rakyat sebuah negara yang masih terjajah, mungkin tidak dapat mengerti betapa negara kita terpaksa berjuang dengan gigihnya untuk diterima oleh dunia sebagai sebuah negara yang benar-benar berdaulat dan merdeka.

(END)